

02/08/2000

Masjid Haji Hashim lambang kemegahan Sipitang

MASJID Haji Hashim yang dibina berhampiran pantai di Sipitang, Sabah mempunyai keunikan dari segi sejarah pembinaannya. Ia menjadi lambang kebanggaan umat Islam di daerah berkenaan yang terletak 144 kilometer dari Kota Kinabalu.

Terletak di tepi jalan kira-kira satu kilometer dari pekan Sipitang, lanskap sekitar masjid yang bercirikan alam semula jadi itu menambahkan lagi keindahan pemandangan di sekitar masjid yang boleh dikatakan antara masjid tercantik di negeri Sabah.

Masjid Haji Hashim dibina pada 9 Februari 1981 dan siap sepenuhnya pada 7 Februari 1983.

Sebagai lambang kemegahan dan pengiktirafan, masjid yang boleh memuatkan 2,000 jemaah itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad, pada 28 Oktober 1983.

Mengikut sejarah, nama Hashim yang digunakan pada masjid itu bersempena dengan nama penyebar agama yang banyak memainkan peranan dalam pengembangan agama Islam di daerah itu pada awal abad ke-20.

Hashim Awang Randah adalah peniaga yang berasal dari Brunei Darussalam, kemudian menetap di Sipitang dan pernah menjadi Ketua Daerah Sipitang ketika penjajahan British.

Pembinaan Masjid Haji Hashim yang dianggar menelan belanja RM2 juta, banyak mendapat sumbangan daripada dua anak Hashim iaitu Mohd Yassin dan Mohd Kassim, kedua-duanya sudah meninggal dunia.

Selain itu, Masjid Haji Hashim yang mempunyai dua kubah itu turut mendapat bantuan kewangan Kerajaan Pusat dalam pembinaannya.

Masjid Haji Hashim dibina di tapak seluas 1.2 hektar yang menjadi tanah wakaf persendirian milik Hashim dan sebahagian lagi tanah kerajaan.

Difahamkan, sebelum itu tapak masjid berkenaan adalah bekas tapak rumah milik Hashim dan sebuah masjid turut dibina di situ atas usaha beliau ketika hayatnya.

Menyedari pentingnya penyebaran Islam di daerah itu, anak beliau kemudian menyambung usaha ayah mereka dengan pembinaan Masjid Haji Hashim.

Menurut Ketua Imam Daerah Sipitang, Awang Mohd Said Awang Damit, pembinaan masjid di kawasan itu memang sesuai kerana di sekitarnya ada beberapa kampung yang dihuni penduduk Islam dan memudahkan mereka menunaikan sembahyang serta mengikuti kegiatan keagamaan.

Katanya, Masjid Haji Hashim mempunyai seorang imam yang dilantik Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Raffae Salleh, penduduk di kampung berhampiran masjid berkenaan.

Dua pekerja juga ditugaskan untuk menjaga masjid itu dan mereka dilantik dan dibayar gaji oleh Jawatankuasa Masjid Haji Hashim.

Mengenai kegiatan masjid, beliau berkata pelbagai aktiviti keagamaan diadakan di masjid itu seperti belajar al-Quran, tauhid, tasauf dan fiqah.

"Kegiatan itu dijalankan empat malam berturut-turut iaitu dari Ahad hingga Rabu, manakala bagi malam Jumaat, bacaan surah Yassin akan diadakan," katanya.

Selain itu, katanya, ada sederet bangunan yang menempatkan empat Kelas Asas Fardu Ain (Kafa) bersebelahan dengan masjid itu yang dibina tiga tahun lalu.

Awang Said berkata, kelas Kafa itu selain menyediakan pembelajaran agama untuk kanak-kanak, ada juga kelas pembelajaran untuk wanita dewasa yang hanya diadakan pada setiap Sabtu dan Ahad.

Beliau berkata, Masjid Haji Hashim sering menjadi persinggahan kepada pelancong Brunei sama ada untuk bersembahyang atau berehat.

Ini kerana pelancong Brunei yang ingin melancong ke Sabah menggunakan jalan darat akan melalui Sipitang, daerah pertama yang akan mereka lalui apabila masuk ke Sabah melalui pekan Sindumin kira-kira 18 kilometer dari Sipitang.

(END)